

28/07/1999

Mesej Dari Langkawi akhiri LID '99

LANGKAWI, Selasa - Dialog Antarabangsa Langkawi 1999 (LID '99) berakhir hari ini dengan pesanan supaya satu sistem kewangan antarabangsa yang relevan kepada semua negara, diwujudkan.

Dinamakan Mesej Dari Langkawi, ia menggariskan perlunya wujud satu sistem yang membenarkan semua negara, sama ada besar atau kecil, menyertai proses globalisasi tanpa menyebabkan mereka terdedah kepada risiko berkaitan aliran modal.

Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, membentangkan mesej itu pada sesi terakhir dialog, yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut mesej itu, usaha bersama menerusi prinsip perkongsian pintar menggabungkan pandangan negara berlainan latar belakang, berserta pembabit sektor swasta, akan mengukuhkan prospek untuk mewujudkan sistem menyeluruh bagi menjamin kestabilan berkekalan.

Di kalangan negara serantau, perkongsian pintar boleh dibentuk menerusi usaha sama dari segi perkongsian maklumat, pendirian yang sama mengenai isu serantau dan sejagat, mendapatkan sokongan, kepakaran dan pembangunan institusi menguruskan perdagangan, pelaburan serta menggerakkan sumber kewangan.

Mesej Dari Langkawi turut menggariskan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar daripada krisis iaitu 'tidak ada preskripsi, peraturan emas atau ubat tertentu, untuk menyelesaikannya'.

Proses pembukaan pasaran yang terlalu awal tanpa prasyarat dan rangka kerja institusi boleh menyebabkan negara terdedah dan rapuh kepada kejutan luar.

Oleh itu, LID 99 bersetuju bahawa negara perlu diberi peluang untuk menentukan berapa cepat pasaran harus dibuka, selari keupayaannya menyerap kesan liberalisasi.

"Perkongsian pintar boleh membawa persetujuan mengenai garis panduan bagi pelaksanaan secara berperingkat dan teratur proses pembukaan pasaran," katanya.

Menerusi perkongsian pintar, satu konsensus antarabangsa boleh dicapai mengenai isu membabitkan kesan sosial dan ekonomi. Ini boleh dicapai menerusi pendekatan globalisasi yang lebih bersifat kemanusiaan.

Mesej Dari Langkawi juga menyebut, pengurusan krisis secara berkesan memerlukan infrastruktur dan pengurusan lebih tersusun, yang akan mengendalikan proses membuat dasar dengan mengambil kira semua pihak bertanggungjawab dan untuk melaksanakan polisi serta memantau kemajuan.

Menurutnya, tindakan awalan dan proaktif akan mengurangkan kos yang ditanggung negara, kerajaan, sektor swasta dan rakyat umum, apabila berlakunya krisis. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti masalah yang mungkin timbul pada peringkat awal krisis.

LID 99 juga berpendapat, keutamaan perlu diberikan kepada perlindungan ke atas agenda sosioekonomi negara bagi mengurangkan kesan krisis kepada golongan miskin dan tidak bernasib baik.

Agensi pelbagai hala pula patut meningkatkan keberkesanan mereka dengan melaksanakan prinsip perkongsian pintar dalam hubungan dengan negara anggota.

Selain itu, konsep perkongsian pintar juga boleh diterapkan untuk mengukuhkan asas ekonomi sesebuah negara dan mengekalkan serta mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Mesej itu mengakui perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor swasta boleh menjadi pemangkin dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dan mempercepatkan proses pemulihan.

Mengenai sektor industri kecil dan sederhana (IKS), LID 99 berpendapat usaha perlu ditumpukan kepada memperkukuh pembangunan sektor itu kerana ia lebih anjal dan mudah menyerap perubahan.

(END)